

Kabinet penggerak

KABINET baru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, yang diumumkan Sabtu kelmarin mungkin memberikan satu petunjuk yang baik kepada falsafah dan arah pimpinan Kerajaan kita untuk beberapa tahun yang akan datang. Tidak syak bahawa susunan struktur kepimpinan Kerajaan yang baru terbentuk itu bertujuan bukan sahaja untuk mempeprkemas sistem pentadbirannya tetapi juga memastikan supaya prestasi pembangunan negara dapat dipertingkatkan lagi. Dorongan untuk menjayakan sepenuhnya matlamat-matlamat DEB yang telah ditetapkan memang kuat. Menjelang tahun 1990 usaha Kerajaan akan diukur dan dinilai semata-mata berdasarkan kadar kejayaan yang tercapai berbanding dengan matlamat yang telah ditetapkan. Kadar ini saja akan menentukan sama ada mandat yang telah diberikan oleh rakyat itu telah diguna dengan bijaksana dan atas dasar itulah sahaja ia akan terus diberikan.

Secara umum kelihatan bahawa penyusunan semula kabinet baru ini berpandukan kepada prinsip penggabungan kekuatan kepimpinan yang lama dengan unsur-unsur baru yang berpotensi menambah kepakaran, pengalaman, dan pada umumnya, keupayaan kepimpinan Kerajaan yang ada. Kepercayaan Perdana Menteri kepada mengekalkan kekuatan dan keupayaan Kabinet yang lama jelas dari hakikat bahawa tidak seorang pun Menteri yang telah digugurkan. Beberapa portfolio penting, termasuk Kewangan, tidak mengalami pertukaran menteri.

Selaras dengan penegasan Perdana Menteri bahawa matlamat asas rombakan Kabinet ini ialah untuk menukar gaya pentadbiran dan bukan untuk mengubah dasar-dasar dalam dan luar negeri, ternyata perubahan telah dilaksanakan dengan teliti dan hanya mengikut keperluan sahaja. Pengawasan portfolio Pertahanan oleh Perdana Menteri dan Kementerian Dalam Negeri oleh Timbalan Perdana Menteri adalah sebaik jaminan untuk menentukan supaya segala masalah dan ancaman kepada keselamatan dalam dan luar negeri mendapat perhatian yang wajar dan segera dari pucuk pimpinan Kerajaan. Dan langkah menghidupkan semula Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar itu mencerminkan kesungguhan Kerajaan untuk menumpukan perhatian kepada masalah pembangunan negara dan masyarakat luar bandar. Ini adalah satu tindakan yang perlu memandangkan penekanan DEB kepada usaha membasmi kemiskinan dan membangun masyarakat dan ekonomi luar bandar dan hakikat bahawa dengan jumlah peruntukan pembangunan yang besar kepada sektor ini dalam setiap rancangan pembangunan patutlah ia diberikan satu kementerian yang khusus.